

13/02/1998

13 ahli panel hadir mesyuarat

TIGA belas ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) hadir pada mesyuarat kedua panel itu, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi IAP, mempengerusikan mesyuarat itu yang bermula pada jam 8.30 pagi hingga jam 6 petang ini.

Beliau dibantu oleh Setiausaha IAP, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Anggota IAP yang hadir ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Acer Incorporated, Dr Stan Shih; Pengerusi dan CEO Alcatel Alsthom, Serge Tchuruk; Penasihat Kanan Kajian Strategik dan Antarabangsa Amerika Syarikat, Diana Lady Dougan; Pengerusi dan CEO EDS Corp, Lester M Alberthal, Jr; Presiden dan CEO Ericsson, Lars Ramqvist; Ketua Pegawai Operasi Lucent Technologies, Ben Verwaayan.

Pengerusi dan CEO Madge Networks, Robert Madge; Pengerusi Motorola Inc; Gary Tooker; Pengerusi NEC, Dr Tadahiro Sekimoto; Pengarah Urusan Ohmae & Associates, Dr Kenichi Ohmae; Pengerusi Silicon Graphics, Bob Bishop; Prof William Miller (Universiti Stanford) dan Presiden dan Ketua Eksekutif Net Inc, Jim Manzi.

Selain itu, 12 wakil rasmi daripada anggota IAP turut hadir. Mereka ialah G Jagathisan (Bloomberg); Richard Slogove (British Telecom); Stephen McGuckin (DHL); Alex Sozonoff (Hewlett Packard); George Samenuk (IBM); David Marsing (Intel); dan Mikko Kosonen (Nokia Corp).

Masanobu Suzuki (NTT); Derek Williams (Oracle Corporation); Jeremy Penn (Reuters Asia); Axel Hass (Seimens) dan Dr John Gage (Sun Microsystems).

Mesyuarat kali ini membincangkan beberapa isu mengenai teknologi maklumat global dan kesannya terhadap pembangunan MSC.

Mereka turut membincangkan soal infrastruktur maklumat global (GII) dan Asia-Pasifik.

Esok, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan beliau pada persidangan meja bulat masyarakat elektronik.

Selain itu, isu mengenai perdagangan elektronik dan Internet serta isu perundangan dan peraturan dalam Internet dijangka dibincangkan.

(END)